

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[BATU KAWAN]**

**TARIKH : 31.10.2017 [SELASA]**

**SOALAN :**

**YB Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penambahbaikan yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia berdasarkan laporan Karima Bennoune sebagai *UN Special Rapporteur on Cultural Rights*, dan apakah usaha Kerajaan untuk mendukung prinsip hak asasi manusia serta kebebasan agama dan kepercayaan dalam permohonan menjadi ahli Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB tahun hadapan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Cik Karima Bennoune, *UN Special Rapporteur on Cultural Rights* telah

71

mengadakan lawatan ke Malaysia pada 11- 22 September 2017 yang lalu. Hasil daripada lawatan tersebut, satu laporan berkaitan tahap pemakaian hak asasi rakyat Malaysia dalam hal kebudayaan dan kesenian seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 27 Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR) telah disediakan oleh beliau. Berdasarkan laporan tersebut, beliau memuji usaha-usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia berhubung hak asasi manusia berdasarkan usaha Kerajaan untuk menyediakan Kajian Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) serta penubuhan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab sebagai organisasi utama untuk isu-isu berhubung hak asasi manusia di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kajian NHRAP ini adalah merupakan inisiatif Kerajaan Malaysia yang selari dengan persetujuan Malaysia di *17th. Working Group Session of the Universal Periodic Review (UPR)* pada 24 Oktober 2013 di Geneva. NHRAP di Malaysia yang telah dipertanggungjawabkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU,JPM) adalah merupakan sebuah dokumen yang mengandungi mekanisme sebagai panduan dan pegangan negara dalam memastikan dan meningkatkan penjagaan serta promosi hak asasi manusia dilakukan dengan sistematik dan berkesan demi kebaikan dan faedah bersama.

Melalui NHRAP juga, Malaysia bakal menggariskan program promosi hak asasi manusia mengikut acuan sendiri dan seterusnya mengetengahkan kepada peringkat antarabangsa definisi hak asasi manusia yang diamalkan di Malaysia. Pelan yang bakal diadakan

kelak akan mengambil kira keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mementingkan keharmonian bangsa, agama, budaya, sosial, politik dan ekonomi. Pemeliharaan dan pematuhan terhadap perkara-perkara berkaitan akan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Manakala penubuhan JITN pula selain daripada berperanan untuk memperkasakan pengurusan integriti dan tadbir urus negara, ia juga turut berperanan sebagai satu jabatan yang akan bertanggungjawab mengenai kesemua isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia di Malaysia sama ada isu-isu di peringkat domestik mahu pun di peringkat antarabangsa. JITN juga akan berperanan sebagai organisasi utama untuk menyelia serta bertanggungjawab untuk memantau, menyelaras dan mencari penyelesaian terhadap isu-isu hak asasi manusia.

Selain daripada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia, Cik Karima juga turut membangkitkan isu berkaitan penukaran agama anak secara unilateral yang berkaitan dengan kebebasan beragama dan juga pengistilahan kaum dengan agama. Kebebasan beragama merupakan salah satu hak kebebasan asasi yang diiktiraf oleh Malaysia kepada setiap warganegara di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Ini selaras di bawah Perkara 3(1) Perlembagaan telah mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan, manakala Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa "Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti

dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkan agamanya". Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai ketua agama Islam. Perlembagaan-perlembagaan bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Agama Islam dalam negeri itu.

Peruntukan ini mengiktiraf kewujudan pelbagai agama dalam masyarakat dan juga menjadi peruntukan yang selalu digunakan apabila hak kebebasan beragama dinafikan. Agama lain juga, selain Islam mempunyai hak untuk mendirikan rumah ibadat masing-masing dengan syarat rumah ibadat tersebut adalah di tanah gazet Kerajaan atau tanah persendirian, serta seterusnya mendapatkan lesen dari Kementerian Wilayah Persekutuan bagi mengelakkan isu keselamatan dan memastikan perancangan bandar yang holistik. Bagi menyelesaikan masalah ini, Jawatankuasa Khas Rumah Ibadat Bukan Islam telah ditubuhkan pada tahun 2014 bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh komuniti yang ingin membangunkan rumah ibadat di kawasan Wilayah Persekutuan secara khususnya agar penyelesaian terbaik dapat diberikan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.